



**KETUA Pengarah Institut Genom Malaysia, Professor Emeritus Nor Muhammad Mahadi menyerahkan dokumen 'Proboscis Genom Data' kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMS, Professor Dr Shahril Yusof sambil diperhatikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Maximus dan Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan.**

## Data Genom Kera Proboscis di UMS untuk manfaat penyelidik

UB 31.08.2012 A7

KOTA KINABALU: Data mengenai Jujukan Genom Kera Proboscis yang berjaya disempurnakan akan menjadi rujukan bagi semua penyelidik di Sabah dan Sarawak.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata data itu akan ditempatkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang akan dimanfaatkan oleh semua penyelidik terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Ia akan dilakukan melalui pembentukan konsortium genom berfungsi proboscis yang akan dianggotai oleh penyelidik UMS, Universiti Malaysia Sarawak, Institut Genome Malaysia, Jabatan Perhilitan Sabah, Pusat Biodiversiti Sabah, Pusat Biodiversiti Sarawak dan Pusat Penyelidikan Genome.

Beliau berkata, dilaporkan terdapat kurang 3,000 ekor kera Proboscis di dalam hutan Malaysia dan haiwan ini tidak mudah bertahan dalam kurungan.

"Maklumat ini bakal digunakan untuk memahami dengan lebih dalam ciri-ciri kera yang hampir pupus agar satu strategi pemuliharaan dapat direka," katanya pada Taklimat Bioekonomi Dalam Koridor Pembangunan Sabah.

Taklimat itu diadakan bersempena majlis menandatangani kerjasama antara Sedia dan BiotechCorp; Perjanjian Kerjasama Penyelidikan Penerokaan Lembah Danum antara Institut Kebangsaan Bioteknologi Malaysia (NIBM), Yayasan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah; dan Penyerahan Respositori Data Genom Proboscis.

Maximus berkata, program transformasi bioekonomi itu akan terus memainkan peranan penting untuk menyokong usaha kerajaan meningkatkan kedudukan Malaysia dan secara langsung memantapkan keupayaan ekonomi.

Diharapkan program transformasi bioekonomi itu dapat membawa keberhasilan

jangkapanjang dan lestari kepada ekonomi, produktiviti, daya saing dan secara keseluruhannya kepada kesejahteraan rakyat, katanya.

Beliau berkata, sejak pelancaran Dasar Bioteknologi Negara pada tahun 2005, industri bioteknologi negara telah berkembang dan beralih dari fasa pertama yang berasaskan pembinaan kapasiti ke fasa terkini yang menekankan pengkomersilan produk industri bioteknologi.

Di bawah program pelaksanaan ini, sebanyak 217 syarikat telah dianugerahkan status BioNexus dengan jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai lebih RM2 bilion. Ia termasuk lapan syarikat dari Sabah dan lima dari Sarawak.

"Saya yakin bahawa blueprint Pembangunan Koridor Sabah akan menjadi pencetus pelaksanaan Bioteknologi di Sabah. Ia pasti menjadi penyumbang yang penting kepada keberhasilan bioekonomi," katanya.

Perjanjian kerjasama antara Biotechcorp dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) merangkumi beberapa sektor utama bioekonomi yang berteraskan bioteknologi.

Kerjasama dalam sektor bioteknologi pertanian akan merangkumi pembangunan bersama tanaman iklim sederhana di Kundasang, projek akuakultur di Semporna dan Kudat, dan pembangunan bersama rantaian tanaman makanan premium dengan platform bioteknologi termoden di Sabah Agro-Industrial Precinct (SAIP).

Program fasa pertama yang akan dilaksanakan dari bulan November ini melalui dana sebanyak RM1 juta dari MOSTI bertujuan membina landasan untuk program pembangunan secara lestari produk bioteknologi farmaseutikal bernilai tinggi dan industri hasil daripada sumber biodiversiti dari Lembah Danum dengan memberi fokus kepada sumber

serangga.

Antara hasil yang disasarkan ialah pembangunan respositori sampel biodiversiti di hutan Lembah Danum dengan respositori kembar di IPHarm.

Model pengkoperasian respositori ini akan berdasarkan kepada sistem perbankan berpiawaian antarabangsa yang memberi jaminan pulangan kepada penyumbang dan penyelidik yang terbabit. Penyarangan berkapasiti tinggi untuk sasaran terpilih dan pemindahan teknologi kepada industri untuk pembangunan 'Hits and Leads' sebatian dan enzim baru untuk dimajukan sebagai projek bioekonomi negeri Sabah.

Maximus berkata, antara khazanah negeri Sabah dan Sarawak adalah spesies fauna yang perlu dikaji secara terperinci agar kita dapat membangunkan strategi konservasi dan pemuliharaan yang menggunakan kaedah termoden dan berlandaskan pengetahuan.

Beliau juga menggalakkan semua pihak termasuk pihak swasta, tidak kira industri besar mahupun industri kecil dan sederhana, bekerjasama dengan Biotechcorp dan Sedia serta agensi-agensi lain untuk meneroka, melabur dan membuka peluang baru dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan berteraskan bioekonomi di Sabah.

Ketika ditanya mengenai tahap pencapaian bioekonomi di Sabah, beliau berharap Sabah dan Sarawak akan dapat manfaat dari semua program yang dikenalpasti di bawah bioekonomi.

"Ia mungkin memberi cabaran kepada kedua negeri ini kerana orang akan membuat perbandingan mengenai kos yang terlibat, tetapi kita harus berfikir bahawa Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) adalah didorong oleh sektor swasta yang menyumbang sebanyak 80 peratus dan 20 peratus sahaja disumbangkan oleh agensi kerajaan," katanya.